

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL



Anwar bersama Aminuddin (tiga dari kiri) dan Dr Dzulkefly (tiga dari kanan) pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Peringkat Kebangsaan 2024 di Port Dickson, semalam. (Foto BERNAMA)

Kerajaan serius urus ekonomi MADANI ringan beban rakyat

Belanjawan 2025 tumpu tangani isu kos sara hidup

Oleh Mohd Amin Jali
dan Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan akan menguruskan ekonomi MADANI secara serius, termasuk memastikan kadar inflasi negara kekal rendah sekali gus membantu meringankan beban rakyat.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, turut menegaskan pentadbirannya akan berusaha memastikan tidak berlaku pembaziran dalam kerajaan.

"Syukur Alhamdulillah, sejak kita uruskan ekonomi MADANI ini, kita lihat pertumbuhan ekonomi naik tinggi 5.9 peratus, inflasi terkawal.

"Saya baru balik dari luar negara bertemu Presiden Russia (Vladimir Putin), ada soal jawab dan orang tanya inflasi (kita) dua peratus, ada beberapa bidang makanan tiga peratus... itu pun jauh kita hendak kawal.

"Namun kita akan memberi tumpuan kepada strategi untuk menangani kos sara hidup rakyat dalam pembentangan Belanjawan 2025 Oktober depan, walaupun inflasi rendah," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Peringkat Kebangsaan 2024 dan Pelancaran

Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan serta Kempen Perangi Gula di Pantai Batu 1, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Zafir Ibrahim.

Mengulas lanjut, Anwar membandingkan kadar di Malaysia dengan beberapa negara lain yang jauh lebih tinggi.

"Di negara lain terutama di rantau ini seperti Thailand, Singapura dan Indonesia, inflasi mereka lebih tinggi. Russia lapan peratus, Turkiye pula inflasi mereka 40 peratus.

"Itu sebabnya kita kena urus ekonomi ini secara serius dan di antara yang kita bincangkan termasuk dalam soal kesihatan ini ialah jangan membazir.

"Untuk itu, saya akan jadikan strategi untuk menangani kos sara hidup rakyat dalam pembentangan Belanjawan 2025 Oktober depan," katanya.

Terdahulu, ketika merasmikan kawasan rehat dan rawat (R&R) lestari pertama lebuh raya Malaysia iaitu R&R Seremban (Arah Selatan) Lebuh Raya Utara-Selatan dekat Seremban, Perdana Menteri berkata, kadar tol mungkin boleh diturunkan jika kos pembangunan lebuh raya dapat dikawal, selain tidak berlakunya ketirisan dan rasuah.

Anwar berkata, kos pembangunan lebuh raya sebenarnya boleh dikurangkan, namun meningkat disebabkan terlalu banyak bayaran yang dikeluarkan untuk proses kelulusan.

"Ini mesti dihentikan. Saya percaya Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk projek yang seterusnya, pastikan kelulusan disegerakan. Ini boleh berlaku kalau semua bertanggungjawab dan berasaskan ini (projek lebuh raya) projek rakyat," katanya.

Bukan berdendam

Sementara itu, Anwar menafikan dakwaan pihak tertentu kononnya perasaan dendam beliau menjadi punca di sebalik tindakan diambil pihak berkuasa terhadap kes tertentu.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak sesekali mencampuri urusan siasatan dilakukan pihak berkuasa, apatah lagi mempengaruhi tindakan yang diambil.

Beliau berkata, sesiapa sekalipun yang berdepan kes jenayah, maka terpulanglah kepada pihak berkuasa khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat atau mengambil tindakan.

"Setiap minggu ada sahaja kisah skandal baharu. Ada orang kata kerana Anwar berdendam, (itu) tak betul. Kita kena hentikan amalan pimpinan yang guna kuasa demi cari kekayaan peribadi.

"Saya harap betul-betul (perkara ini) difahami. Orang sana (pembangkang) dia tak kira. Saya tak kira siapa dalam soal penyiasatan, ketua-ketua polis ada di sini, siapa salah, ada kes curi motor ke, merompak ke itu kerja polis.

Perdana Menteri menegaskan amalan tidak betul dilakukan mana-mana pihak perlu diperbetulkan untuk mengelak rakyat yang akhirnya menerima nasib.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

14



Dr Kalwinder
Singh Khaira

Presiden MMA fokus masa depan lebih baik untuk doktor

Kuala Lumpur: Presiden baharu Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira mahu memberi fokus kepada masa depan lebih baik untuk doktor.

Dr Kalwinder berkata, fokus itu merangkumi antaranya hak mendapatkan jaminan pekerjaan, persekitaran kerja sihat, pilihan dan peluang latihan pakar, keseimbangan kehidupan kerja serta pengiktirafan terhadap usaha mereka dari segi gaji, elaun atas panggilan serta kesejahteraan mental.

Terdahulu, Dr Kalwinder penerima pingat perkhidmatan paling lama daripada MMA dilantik menggantikan penyandanganya Dr Azizan Abdul Aziz.

Dr Kalwinder berkata, beliau akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM), kementerian lain dan jabatan kerajaan ke arah mewujudkan serta menjamin masa depan lebih baik untuk doktor dalam sektor penjagaan kesihatan awam.

"Fokus utama saya adalah melakukan semua termampu bagi menyediakan dan meletakkan asas untuk masa depan lebih baik serta lebih terjamin untuk doktor kita," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tambahnya, dalam hal memba-bitkan doktor dalam penjagaan kesihatan swasta, masih terdapat beberapa isu yang perlu ditangani seperti penyelarasan jadual bayaran pengamal perubatan am swasta serta penanggung insurans dan pentadbir pihak ketiga.

Katanya, beliau akan turut mengkaji isu kemasyarakatan seperti kawalan dan pengawalseliaan industri tembakau dan vape, perancangan untuk keperluan penduduk yang semakin menua serta kawalan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Mengulas mengenai Belanja-
wan 2025, beliau memaklumkan,
rancangan untuk meningkatkan
bajet penjagaan kesihatan negara
dari segi peratusan Keluaran Da-
lam Negara Kasar (KDNG) perlu
dipercepatkan.

"Ini bukan sahaja untuk pem-
angunan infrastruktur tetapi pe-
nambahbaikan aset terpenting
iaitu kakitangan penjagaan kesi-
hatannya," ujarnya.

Pada masa sama, beliau menegas-
kan pengedaran doktor muda pen-
ting untuk masa depan sistem pen-
jagaan kesihatan awam negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL



16 kena rotavirus balik taman rekreasi

Wabak mungkin berpunca sisa buangan lampin pakai buang bayi cemari sungai

hnews@bh.com.my

Kuantan: Jangkitan rotavirus disyaki punca 16 individu, terutama kanak-kanak berusia antara dua dan 11 tahun mengalami gejala sakit perut, muntah, cirit-birit dan demam selepas mengunjungi Taman

Rekreasi Che Minah Sayang di Maran.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang, Datuk Dr Rusdi Abd Rahman, berkata wabak itu turut membabitkan seorang wanita berusia 27 tahun yang juga ibu kepada seorang daripada kanak-kanak berkenaan yang mengalami gejala itu.

Katanya, berdasarkan laporan, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Maran pada Khamis lalu, menerima satu notifikasi wabak Acute Gastroenteritis (AGE) dalam kalangan kanak-kanak dengan gejala sakit perut, muntah,



Dr Rusdi Abd Rahman

cirit-birit dan demam selepas mengunjungi taman rekreasi itu.

"Siasatan lanjut yang dijalankan oleh PKD Maran mendapati sebanyak 16 kes yang terdiri daripada kanak-kanak berusia dua hingga 11 tahun dan seorang wanita dewasa berusia 27 tahun telah dilaporkan dalam wabak ini.

"Semua kanak-kanak terlibat adalah stabil dan sedang menerima rawatan di Hospital Jengka, Maran manakala wanita yang merupakan ibu kepada salah seorang kanak-kanak tersebut dirawat sebagai pesakit luar.

"Hasil ujian mak-

mal yang dijalankan mendapati penyebab wabak ini adalah jangkitan rotavirus. Manakala, hasil ujian makmal bagi pengesanan penyakit kencing tikus (Leptospirosis) adalah negatif.

"Wabak rotavirus ini berkemungkinan berpunca daripada air sungai yang tercemar dengan sisa buangan lampin pakai buang bayi," katanya dalam kenyataan semalam.

Susulan kes itu, beliau berkata, JKN Pahang menasihati pihak pengurusan Taman Rekreasi Che Minah Sayang untuk menjalankan kerja pembersihan di sekitar taman rekreasi itu.

Katanya, kerja pembersihan itu termasuk memastikan se-

mua premis makanan berada dalam keadaan bersih dan selamat.

"Orang awam juga disarankan untuk mengambil cakna dengan tidak membawa anak yang kurang sihat atau warga emas ke taman rekreasi tersebut.

"JKNP ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mematuhi etika kebersihan dengan melupuskan lampin pakai buang bayi dengan cara yang selamat serta tidak membuang sampah-sarap merata-rata ketika mengunjungi mana-mana taman rekreasi.


"Jabatan ini juga akan terus memantau perkembangan wabak ini dari semasa ke semasa," katanya.

ROTAVIRUS

Sejenis virus penyebab lazim cirit-birit teruk atau AGE dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah.



- > Menyebabkan cirit-birit teruk, demam, sakit perut.
- > Cirit-birit teruk boleh menyebabkan dehidrasi dan kematian jika tidak dirawat segera.



PENULARAN

- > Jangan bawa anak yang mengalami cirit-birit dalam kolam mandi dan renang awam.
- > Elak mandi bersama lampin pakai buang.
- > Dilarang menghantar anak dengan cirit-birit ke sekolah, tadika atau taska.
- > Pengusaha taska perlu memastikan permukaan lantai serta permainan kanak-kanak dinyahkuman setiap hari.
- > Sentiasa amalkan kebersihan diri dan persekitaran yang bersih.
- > Basuh tangan dengan sabun selepas mengendalikan anak, sebelum menyediakan makanan atau sebelum mengendalikan anak-anak lain.

PENULARAN

- > Melalui makanan dan air tercemar.
- > Di pusat jagaan kanak-kanak virus boleh mencemari permukaan dan permainan kanak-kanak.

RAWATAN

- > Tiada spesifik.
- > Rehidrasi untuk elak dehidrasi dan komplikasi

UNTUK MENEGAH GEJALA TERUK

Dapatkan suntikan rotavirus di klinik dan hospital.

96,572 kes demam denggi sejak awal tahun ini

Putrajaya: Jumlah kes demam denggi di negara ini, didapati menurun kepada 1,765 kes pada Minggu Epidemiologi (ME) 35, iaitu bagi tempoh 25 hingga 31 Ogos, berbanding 1,980 kes pada minggu sebelumnya dengan empat kematian dilaporkan akibat komplikasi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan hingga ME 35 sebanyak 96,572 kes berbanding 80,201 kes bagi tempoh sama 2023.

"Terdapat 88 kematian akibat komplikasi demam denggi dila-

porkan, berbanding 57 kematian bagi tempoh sama pada 2023," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Bilangan lokaliti *hotspot* yang dilaporkan pada ME 35 se-

banyak 64 lokaliti, berbanding 85 pada minggu sebelumnya.

Beliau berkata, daripada 64 lokaliti yang dilaporkan, 45 di Selangor, manakala tujuh di Wilayah Persekutuan Kuala

Terdapat 88 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan, berbanding 57 kematian bagi tempoh sama pada 2023

Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan



Lumpur dan Putrajaya, tiga masing-masing di Negeri Sembilan, Kelantan dan Perak, selain satu lokaliti masing-masing di Kedah, Sabah serta Sarawak.

Dr Muhammad Radzi berkata, bagi survelan chikungunya, terdapat dua kes direkodkan pada ME 35 dan tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada minggu itu.

Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini ialah 70 kes.

Bagi survelan zika, Dr Muhammad Radzi berkata, sebanyak 1,834 sampel darah, lapan sampel urin dan tiga sampel cai-

ran serebrospinal dijalankan saringan zika dan keputusannya negatif.

Beliau berkata, risiko penyebaran demam denggi akan meningkat, terutama ketika cuti sekolah dan cuti umum disebabkan pergerakan orang ramai.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan (KKM) mengingatkan masyarakat, termasuk pihak sekolah dan kontraktor agar sentiasa memastikan tiada bekas yang boleh menampung air di persekitaran premis yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes sebelum cuti penggal kedua persekolahan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Isnin 09.09.2024

@hmetromy | HarianMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my

7

lokal

Kuantan: Rotavirus disyaki menjadi punca 16 individu termasuk kanak-kanak berusia antara dua hingga 11 tahun mengalami gejala sakit perut, muntah, cirit-birit dan demam selepas mengunjungi Taman Rekreasi Che Minah Sayang di Maran.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang Datuk Dr Rusdi Abd Rahman berkata, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Maran pada Khamis lalu menerima satu notifikasi wabak Acute Gastroenteritis (AGE) dalam kalangan kanak-kanak dengan gejala

16 individu disyaki dijangkiti Rotavirus

sakit perut, muntah, cirit-birit dan demam selepas mengunjungi taman rekreasi itu.

"Siasatan lanjut oleh PKD Maran mendapati sebanyak 16 kes yang terdiri daripada kanak-kanak dan seorang wanita dewasa berusia 27 tahun dilaporkan terbahit.

"Keadaan semua kanak-kanak terbahit stabil dan sedang menerima rawatan di Hospital Jengka, Maran, manakala wanita yang juga ibu kepada se-

rang kanak-kanak itu dirawat sebagai pesakit luar.

"Hasil ujian makmal yang dijalankan mendapati penyebab wabak ini adalah jangkitan Rotavirus. Hasil ujian makmal bagi pengesanan penyakit kencing tikus (Leptospirosis) adalah negatif.

"Rotavirus ini berkemungkinan berpunca daripada air sungai yang tercemar dengan sisa buangan lampin pakai buang bayi," katanya dalam kenyataan media semalam.

Susulan kes itu, beliau berkata, JKN Pahang menasihati pihak pengurusan Taman Rekreasi Che Minah Sayang untuk menjalankan kerja pembersihan di sekitar taman rekreasi itu.

Katanya, kerja pembersihan itu termasuk memastikan semua premis makanan berada dalam keadaan bersih dan selamat.

"Orang awam juga disarankan untuk mengambil cakra dengan tidak membawa anak-anak yang kurang sihat atau warga emas

untuk berekreasi di taman rekreasi terbabit.

"JKNP ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mematuhi etika kebersihan dengan melupuskan lampin pakai buang bayi dengan cara yang selamat serta tidak membuang sampah-sarap merata-rata ketika mengunjungi mana-mana taman rekreasi.

"Jabatan ini juga akan terus memantau perkembangan wabak ini dari semasa ke semasa," katanya.



DR Rusdi

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NEGARA

16 termasuk kanak-kanak muntah, cirit-birit

Lampin punca jangkitan rotavirus

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

MARAN – Penularan wabak rotavirus melibatkan sekumpulan pengunjung Taman Rekreasi Che Minah Sayang di sini, baru-baru ini, dipercayai berpunca daripada lampin pakai buang di lokasi berkenaan.

Setakat ini, sebanyak 16 kes direkodkan terdiri daripada kanak-kanak berusia dua hingga 11 tahun dan seorang wanita berusia 27 tahun.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Dr. Rusdi Abd. Rahman berkata, pada 5 September lalu, Pejabat Kesihatan Daerah Maran menerima satu kes wabak 'Acute Gastroenteritis' melibatkan kanak-kanak dengan gejala sakit perut, muntah, cirit-birit dan demam setelah mereka berkunjung ke Taman Rekreasi Che Minah Sayang.

"Kesemua kanak-kanak itu dilaporkan stabil dan sedang menerima rawatan di Hospital Jengka.

"Pesakit wanita yang merupakan ibu kepada salah seorang kanak-kanak tersebut menerima rawatan sebagai pesakit luar," katanya semalam.

Menurut Rusdi, ujian makmal menunjukkan wabak itu adalah disebabkan jangkitan rotavirus, bukannya kencing tikus atau leptospirosis.

Jelas beliau, siasatan awal turut mendapati kejadian itu juga berkemungkinan berpunca daripada air sungai yang tercemar dengan sisa buangan lampin pakai buang.

Justeru, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) menasihatkan pihak pengurusan Ta-



TAMAN Rekreasi Che Minah Sayang di Maran.

man Rekreasi Che Minah Sayang untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di lokasi selain memastikan semua premis makanan berada dalam keadaan bersih dan selamat.

"Orang awam juga disaran untuk mengambil cakna dengan tidak membawa anak-anak yang kurang sihat atau warga emas untuk beriadah di taman rekreasi tersebut.

"JKNP ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mematuhi etika kebersihan dengan melupuskan lampin pakai buang bayi dengan cara yang

Rotavirus

- Jangkitan usus biasanya berlaku pada kanak-kanak
- Gejala dikesan ialah cirit-birit, muntah dan demam
- Boleh bawa maut jika gantikan cecair tidak diberikan dengan segera
- Rotavirus merebak melalui pencemaran najis

selamat. Jangan buang sampah-sarap di merata-rata ketika mengunjungi mana-mana taman rekreasi," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

'Diabetes, berat badan berlebihan tinggi, tolonglah selamatkan negara'

PORT DICKSON - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan rakyat untuk mengambil serius berkenaan pengetahuan penjagaan kesihatan, terutama berkaitan keburukan pengambilan gula berlebihan.

Menurutnya, ini kerana bilangan penghidap kencing manis atau diabetes di Malaysia adalah yang tertinggi di Asia Tenggara, sekaligus menggambarkan kecekikan kesihatan dalam kalangan rakyat di negara ini masih rendah.

"Diabetes, berat badan berlebihan itu tinggi, kencing manis tinggi, jadi tolonglah selamatkan negara, selamatkan anak-anak, selamatkan keluarga, ibu bapa kita dengan mengawal sedikit (pengambilan gula), bukan hentikan seluruhnya.

"Bagaimana kurangkan obesiti? Kurangkan karbohidrat, lebihkan senaman tapi jangan joging pada (kempen) bulan kesihatan sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Peringkat Kebangsaan 2024 yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly



FOTO:BERNAMA

Anwar (dua dari kanan) menunjukkan kemahiran membuat teh tarik ketika singgah ke reruai pameran pada majlis perasmian Bulan Malaysia Sihat Sejahtera Peringkat Kebangsaan di Batu 1 pada Ahad.

Ahmad di sini pada Ahad.

Anwar berkata, masalah kesesakan di hospital kerajaan dapat dielakkan sekiranya masyarakat mempunyai kesedaran kesihatan.

Tambahnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi masalah itu, namun terbatas dengan peruntukan kewangan yang ada.

Ujar beliau, kempen celik kesihatan atau kurangkan gula serta dasar literasi kesihatan yang diperkenalkan, hanya akan berkesan

sekiranya masyarakat mengubah gaya pemakanan mereka bermula dari sekarang.

Pada masa sama, Anwar menasihatkan golongan peniaga supaya kira kesihatan pelanggan apabila menyediakan makanan dan minuman.

Katanya, kantin sekolah perlu menjual makanan yang sihat bagi memastikan mutu kesihatan pelajar terjamin, manakala penggunaan gula dalam menu makanan dan minuman majlis kerajaan dikurangkan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Tiada keperluan kempen vaksin polio besar-besaran, fokus kepada golongan antivaksin - Pakar

SHAH ALAM - Tiada keperluan untuk melakukan kempen vaksinasi polio secara besar-besaran sebaliknya kekal dengan pendekatan sedia ada.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, hal berkenaan telah diambil kira susulan liputan vaksinasi polio dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia berada pada tahap yang tinggi.

"Pada tahun 2000, Pertubuhan

Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa Malaysia merupakan negara bebas polio. Namun, pemantauan berterusan dibuat dan satu kes terakhir dilaporkan pada tahun 2019.

"Keadaan ini menunjukkan tiada keperluan untuk mengadakan kempen vaksinasi secara besar-besaran sebaliknya terus kepada pendekatan sedia ada. Fokus kepada golongan antivaksin dan golongan yang rendah liputannya," kata

beliau kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Pakistan dilaporkan akan melancarkan kempen vaksinasi kecemasan minggu depan selepas pengesanan kes polio pertama di ibu negara itu dalam tempoh 16 tahun.

Lebih 33 juta kanak-kanak di bawah umur 5 tahun akan divaksin dalam program dari rumah ke rumah mulai Isnin ketika jumlah kes baharu tahun ini meningkat kepada 17.

Bagaimanapun, beliau memaklumkan polio tidak boleh dipandang ringan kerana ia merupakan penyakit berjangkit yang berbahaya dalam kalangan kanak-kanak.

"Penyakit berjangkit ini boleh menyebabkan seseorang itu mengalami lumpuh anggota secara kekal.

"Tiada rawatan khusus untuk penyakit itu. Cara yang terbaik adalah vaksin," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NEGERI

Najis lampin bayi punca 16 individu dijangkiti AGE

KUANTAN - Seramai 16 kanak-kanak termasuk seorang wanita dijangkiti wabak gastroenteritis akut (AGE) disyaki berpunca daripada Rotavirus selepas mengunjungi Taman Rekreasi Che Minah Sayang, Maran, pada Khamis lalu.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Rusdi Abd Rahman berkata, semua mereka berusia antara dua hingga 11 tahun manakala seorang wanita berusia 27 tahun turut mengalami gejala sakit perut, muntah, cirit-birit dan demam sebelum disahkan dijangkiti wabak ini.



DR RUSDI

"Semua kanak-kanak terlibat dilaporkan stabil dan sedang menerima rawatan di Hospital Jengka manakala ibu kepada salah seorang kanak-kanak tersebut dirawat sebagai pesakit luar.

"Jangkitan ini dikesan selepas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Maran menerima satu notifikasi wabak AGE dalam kalangan kanak-kanak di pusat peranginan itu selepas tular di media sosial," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Dr Rusdi berkata, hasil ujian makmal dijalankan mendapati penyebab wabak ini adalah jangkitan Rotavirus manakala pengesanan penyakit bawaan kencing tikus adalah negatif.

Jelasnya, wabak Rotavirus berkemungkinan berpunca daripada air sungai yang tercemar dengan sisa buangan lampin pakai buang bayi.

Justeru itu, JKNP menasihatkan pihak pengurusan Taman Rekreasi Che Minah Sayang menjalankan kerja pembersihan di sekitar taman rekreasi.

"Ini termasuklah memastikan semua premis makanan berada dalam keadaan bersih dan selamat," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

8,000 pelajar sekolah di lima negeri ketagih vape

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews@medianula.com.my

GEORGE TOWN: Lebih separuh daripada 15,000 pelajar sekolah rendah dan menengah di lima negeri termasuk 2,000 perempuan dikesan 'ketagih' vape.

Tinjauan selama tiga tahun dari 2021 oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) terhadap 15,000 pelajar sekolah di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati 8,000 daripada mereka menghisap vape.

Daripada jumlah itu, 2,000 adalah pelajar perempuan selain 4,000 dalam kalangan murid sekolah rendah turut menghisap vape.

Pegawai Penyelidik dan Pendidikan CAP, N.V. Subbarow berkata, gejala itu membimbangkan berikutan vape begitu mudah diperolehi dibeli di kedai-kedai runcit tanpa kawalan, umpama membeli aiskrim.

Bersambung di muka 4

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

8,000 pelajar sekolah di lima negeri ketagih vape

Dari muka 1

Jelas beliau, vape dan e-rokok bukanlah isu baharu malah telah menular dalam kalangan remaja sekolah dan dibimbangi menjadi satu budaya yang memudaratkan golongan itu.

"Mereka mudah beli vape pada masa ini. Kalau kita ke kedai runcit, vape boleh dibeli dengan mudah seperti membeli aiskrim kerana tiada kawalan pihak berkuasa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Subbarow berkata, CAP amat bimbang dengan situasi ini sekiranya kawalan terhadap produk mengandungi nikotin tidak dilaksanakan, ia akan mengakibatkan lebih ramai anak muda terjebak dengan vape.

"Vape lebih digemari orang muda kerana baunya tidak kuat seperti rokok tradisional malah ada perisa buah-buahan amat yang menarik minat orang muda," katanya.

Dalam perkembangan sama, katanya, tinjauan juga mendapati 1,000 kanak-kanak terbabit tidak membeli atau menggunakan wang sendiri untuk membeli vape, sebaliknya memperoleh dari rumah sendiri kepunyaan nenek, bapa atau abang mereka.

Katanya, mereka mencuba apabila tiada sesiapa di rumah.

"Yang menarik adalah mereka beritahu saya nama perisa, kedai mana, harga dan perasaan selepas ambil vape yang mengandungi nikotin. Tapi mereka tidak tahu bahaya nikotin atau apa ada dalam perisa," ujarnya.

Di universiti pula jelas Subbarow, tabiat menghisap vape adalah dalam situasi krisis.

"Banyak pelajar yang saya

berbual yang tak ambil vape akui rakan mereka hisap vape dalam universiti. Mereka guna banyak wang untuk beli perisa vape. Purata adalah empat pelajar perempuan untuk enam pelajar lelaki," katanya.

Katanya, vape dan e-rokok di institusi pengajian tinggi tempatan adalah budaya baharu berikutan ramai pelajar universiti di luar negara menghisapnya.

"Pelajar negara kita pun mahu ikut sebab keluarga mereka tinggal jauh. Pihak pentadbir universiti kena ambil tindakan tegas dengan budaya barat ini. Banyak pelajar akui mereka beli secara dalam talian.

"Kedai tepi jalan pun ada banyak yang jual vape dengan harga murah, RM5 hingga RM10 ringgit," jelasnya.

Tambahnya, pada masa ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati 16,000 perisa vape di pasaran dan tidak mustahil pengeluar mempelbagai-kannya lagi.

Katanya, negara seperti Singapura dan Thailand telah mengharamkan penggunaan vape di negara masing-masing.

"Namun, sebaliknya berlaku apabila Malaysia menjadi 'syurga' kepada penghisap vape," katanya.

Subbarow menambah, Kementerian Kesihatan tidak boleh mengawal penggunaan gel nikotin dalam vape sekiranya tiada undang-undang gantian diwujudkan selepas ia dikeluarkan daripada Akta Racun 1952.

Oleh itu, katanya, Dasar Generasi Penamat (GEG) adalah salah satu bentuk perundangan yang perlu diluluskan segera oleh Parlimen bagi melindungi kesihatan awam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

12

Utusan Malaysia
ISIN • 9 SEPTEMBER 2024

'Rotavirus bukan akibat kencing tikus'

Oleh NORHAFFIZAN ZULKIFLI
utusannews@mediamula.com.my

KUANTAN: Kejadian tular mem-
babitkan kanak-kanak dan se-
orang wanita mengalami sakit
perut, muntah, cirit-birit dan
demam setelah mengunjungi
Taman Rekreasi Che Minah
Sayang, Maran, pada 5 Septem-
ber lalu bukan berpunca dari-
pada kencing tikus.

Pengarah Jabatan Kesihatan
Negeri Pahang (JKNP), Datuk
Dr. Rusdi Abd. Rahman berka-
ta, sebaliknya ujian makmal
mendapati penyebab gejala itu
kerana jangkitan Rotavirus.

"Pada 5 September lalu,
Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
Maran menerima notifikasi wa-
bak Acute Gastroenteritis (AGE)
dalam kalangan kanak-kanak
dengan gejala sakit perut, mun-
tah, cirit-birit dan demam sete-
lah mengunjungi Taman Re-
kreasi Che Minah Sayang.

"Siasatan dijalankan PKD
Maran dan mendapati sebanyak
16 kes membabitkan kanak-
*kanak berusia 2 hingga 11 tahun



**JKNP menasihatkan
pihak pengurusan
taman rekreasi
berkenaan untuk
menjalankan kerja-
kerja pembersihan
di sekitar taman
rekreasi itu."**

dan seorang wanita dewasa
berusia 27 tahun dilaporkan di-
jangkiti wabak ini.

"Kesemua kanak-kanak ter-
libat stabil dan sedang meneri-
ma rawatan di Hospital Jengka
manakala wanita iaitu ibu ke-
pada salah seorang daripada
kanak-kanak terlibat dirawat
sebagai pesakit luar," katanya di
sini semalam.

Kata Rusdi lagi, wabak Rota-
virus terabit berkemungkinan

berpunca daripada air sungai
yang tercemar dengan sisa bua-
ngan lampin pakai buang bayi.

"Justeru, JKNP menasihatkan
pihak pengurusan taman rekrea-
si berkenaan untuk menjalan-
kan kerja-kerja pembersihan di
sekitar taman rekreasi itu. Ini
termasuklah memastikan semua
premises makanan berada dalam
keadaan bersih dan selamat.

"Orang awam juga disarankan
untuk mengambil cakna dengan
tidak membawa anak-anak yang
kurang sihat atau warga emas
untuk berekreasi di taman re-
kreasi tersebut," katanya.

Menurut beliau, JKNP turut
menasihatkan orang ramai sen-
tiasa mematuhi etika kebersi-
han dengan melupuskan lampin
pakai buang bayi dengan cara
selamat serta tidak membuang
di merata-rata tempat ketika
mengunjungi mana-mana ta-
man rekreasi. Sehubungan ke-
jadian itu, kata beliau, JKNP
akan terus memantau perkem-
bangan wabak ini dari semasa ke
semasa supaya tidak merebak
kepada pengunjung lain.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION / NEWS



Datuk Dr Rusdi Abd Rahman

OUTBREAK

15 kids who visited park infected with rotavirus

KUANTAN: A total of 15 children, aged between 2 and 11, and a 27-year-old woman, all of whom experienced symptoms of stomach pain, vomiting, diarrhoea, and fever after visiting the Che Minah Sayang Recreational Park in Maran on Thursday, were infected with rotavirus.

State Health director Datuk Dr Rusdi Abd Rahman said that on Thursday, the Maran Health Office received a notification regarding a surge in the acute gastroenteritis cases among children after visiting the recreational park.

"Laboratory test results revealed that the cause of this outbreak is a rotavirus infection, while the results for leptospirosis were negative.

"All the affected children are in stable condition and are receiving treatment at Jengka Hospital, while the woman, who is the mother of one of the children, was treated as an outpatient," he said yesterday.

Dr Rusdi said the rotavirus cases were likely caused by river water contaminated with waste from used disposable baby diapers.

Dr Rusdi advised the park's management to conduct a thorough clean-up of its surroundings.

"The state Health Department advises the public to always adhere to good hygiene practices, including the proper disposal of used baby diapers, and to refrain from littering when visiting recreational parks.

"The department will continue to monitor the development of these cases," he said.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

Reduce sugar intake, exercise more, urges PM

"We talk about AI, a booming industry, excellent healthcare ... but the public's health literacy is the lowest."

Datuk Seri Anwar Ibrahim

PORT DICKSON: Datuk Seri Anwar Ibrahim has reminded the people to take health knowledge seriously, particularly regarding the dangers of excessive sugar consumption.

The Prime Minister said this is because Malaysia has the highest number of diabetes cases in South-East Asia, reflecting that the level of health literacy among the people in the country remains low.

"Obesity, excessive weight and diabetes rates are prevalent, so please, save the country, save the children, save our families and our parents by controlling sugar intake, (but) not stopping

it completely.

"How do we reduce obesity? By cutting down on carbohydrates, more exercise – but don't jog only during the health campaigns.

"We need to maintain our health. We are busy, but that is a weak excuse.

"We're busy, but we still sleep and eat, so we should also make time to exercise," he said when launching the 2024 National Wellness Month celebration here yesterday, Bernama reported.

Also present were Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and Negri Sembilan Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

The Prime Minister also said that health literacy or sugar reduction campaigns, as well as health literacy policies, would only be effective if people begin changing their eating habits now.

He said the public should not harm themselves by consuming excessive sugar without considering the impact it has on their health.

At the same time, Anwar urged business owners to play an active role in encouraging the public to reduce sugar intake by being mindful of their customers' health when preparing food and beverages.

"We talk about AI (artificial intelligence), a booming industry, excellent healthcare ... but the public's health literacy is the lowest," he said.

He added that commitment and dedication from healthcare workers are also needed, in addition to health facilities like hospitals and clinics setting a good example by promoting healthy eating and exercise habits.

School canteens should sell healthy food to ensure students' well-being, while the use of sugar in the food and drink menus at government functions should be reduced, Anwar added.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Move to help stroke victims with dysphagia

KOTA KINABALU: A global initiative has been launched here to help stroke patients living with dysphagia (difficulty swallowing) in their rehabilitation journey, says the Sabah Health Department.

Its director Datuk Dr Asits Sanna said the international dysphagia diet standardisation initiative (IDDSI) is aimed at regulating dietary nutrition suitable for patients according to the severity of their stroke.

He said the move is a vital part of the stroke rehabilitation continuum programme (PKRS) for Sabah.

He added that the PKRS will improve access to information, treatment and intervention at an optimum period in suitable locations for patients, depending on the level of their condition.

The programme is the starting point for uniformity or standardisation of a holistic stroke rehabilitation service, involving various interdisciplinary skills in stroke rehabilitation, he added.

"PKRS will be implemented in Sabah from November. It will commence at health facilities at three hospitals for starters - Kinabatangan, Tenom and Queen Elizabeth hospitals," said Dr Asits in a statement yesterday.

Stressing how the programme is aimed at providing early and quality rehabilitation access to stroke patients, he said the initiative will be the continuation to hyperacute stroke services and the setting up of an Acute Stroke Treatment Unit implemented in hospitals under the Health Ministry.

The synergistic impact of PKRS from the acute stroke phase is important in efforts to lower mortality and morbidity rates as a result of stroke complications, he explained.

Dr Asits said the programme will also act as a bridge connecting stroke treatment implementers at the community level, adding that this module will provide guidance and a clear picture of food intervention initiatives.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Dengue cases down, four deaths reported

PUTRAJAYA: The number of dengue fever cases fell to 1,765 in the 35th epidemiological week (ME35) from Aug 25 to 31, compared to 1,980 cases the previous week.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said four deaths from dengue fever complications were also reported during the week.

He further said that the cumulative number of dengue fever cases reported up to ME35 was

96,572, compared to 80,201 cases for the same period in 2023.

"There were 88 deaths due to dengue fever complications compared with 57 fatalities in the same period last year," he said in a statement, Bernama reported.

He also said that 64 hotspots were reported, down from 85 the previous week.

Of these, 45 were in Selangor, seven in the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya,

three each in Negri Sembilan, Kelantan and Perak, and one each in Kedah, Sabah and Sarawak.

Dr Muhammad Radzi also said two chikungunya cases were reported, bringing the cumulative total to 70 cases.

As for zika surveillance, he said 1,834 blood samples, eight urine samples, and three cerebrospinal fluid samples were screened – and all results were negative.

However, he warned that the

risk of dengue fever transmission would typically rise during school and public holidays due to increased public movement.

Therefore, the Health Ministry is urging the community, including schools and contractors, to ensure that no containers are left to collect water around the premises, which could serve as breeding grounds for Aedes mosquitoes before start of the second school term holidays.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : VIEWS

15 kids and woman down with rotavirus after river romp

AN outbreak of rotavirus has infected at least 15 children and a 27-year old woman after their visit to the Che Minah Sayang Recreational Park in Maran, Pahang, *Sinar Harian* reported.

The victims could have contracted the contagious virus from contaminated river water, said Pahang Health Department director Datuk Dr Rusdi Abd Rahman.

He added that the cause of the contamination was likely from

the irresponsible disposal of used baby diapers.

"The victims suffered stomach pain, vomiting, diarrhoea and fever. Laboratory tests confirmed rotavirus.

"All the affected children are in stable condition and receiving treatment at Hospital Jengka, while the woman, who is the mother of one of the children, was treated as an outpatient," he said.

Dr Rusdi said the park's management has been instructed to conduct a thorough clean up.

> Fourteen elephants have been captured by the Perak Wildlife and National Parks Department (Perhilitan) after months of endangering locals at Kampung Batu 6 in Gerik, *Harian Metro* reported.

State Perhilitan director Yusoff Shariff said, the elephants, which began roaming the village earlier

this year will be relocated to a suitable habitat.

> Actress Raysha Rizrose and her husband, former motorsport racer Nabil Jeffri, have announced they are expecting their first child *Berita Harian* reported.

The couple shared the news in a heartwarming video on Instagram, showcasing Raysha's growing belly. Fans and family members sent their well wishes to the couple.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : VIEWS

16 Views



YOUR OPINION

Mental health issues: Time to empathise, not stigmatise

IF people can empathise with a person having physical health issues, why can't we do the same for those with a mental health problem?

Society easily recognises physical illness. We offer comfort, encourage treatment, and attempt to understand what it must be like to walk in the shoes of those who are suffering. But when it comes to mental illness, we do the opposite. We cast doubt, we dismiss, and we stigmatise – and then we wonder why mental health issues continue to escalate.

Imagine if we stigmatise physical ill health in the same way we do mental health.

Consider someone with mild chest pain, a potential warning sign of heart disease. If we dismissed their pain as being "all in your head" and told them to "just ignore it", we would be ignoring a serious condition that could develop into a heart attack. Similarly, if someone with early signs of diabetes – frequent urination, thirst or fatigue – were told they were "just overreacting", their condition could worsen into life-threatening complications like kidney failure or nerve damage.

Yet this is exactly what we are doing with mental health. When someone shows early signs of depression, like persistent sadness or loss of interest, they are often told to "just cheer up" or "get over it". The same happens with anxiety; when someone feels constantly on edge, they are advised to "just relax", as if it were that simple.

These dismissals ignore the fact




Photo: dpa

that untreated depression can lead to a major depressive disorder that could result in suicidal thoughts, and untreated anxiety could develop into a panic disorder or generalised anxiety disorder.

When we minimise the signs of mental distress, we allow them to fester. Individuals with mild depression spiral into severe depression, those struggling with stress develop chronic anxiety, and people who feel hopeless may develop suicidal ideation. Conditions like schizophrenia or bipolar disorder, when left unacknowledged can lead to devastating consequences, often culminating in hospitalisation or even death.

Physical health suffers too. We often forget that the mind and

body are deeply interconnected, and when one suffers, the other is likely to follow. Mental health issues if left untreated could contribute to physical health issues ranging from insomnia and fatigue to breathlessness and headaches. But by the time this connection is realised, it is often too late.

Yes, it is "all in your head" – but inside your head is the brain, the organ that controls both your mental and physical health. If mental illness could simply be "shaken off" or "thought away", people would do that. The reality is that these invisible wounds can be so debilitating that normal functioning becomes impossible.

Just because you can't see the pain doesn't mean it isn't there. We cannot judge the magnitude

of someone's suffering based on our own experiences.

What we need is a shift in perspective. We must start seeing the person behind the illness, not just the illness itself. We must take it upon ourselves to learn, rather than remain ignorant of the things we don't yet understand. And most importantly, we must validate the feelings of others, rather than invalidate their experiences.

The time to empathise, not stigmatise, is now.

NUR SYAKILAH
IRDINA WIRDANA
Student
Faculty of Science
Universiti Malaya

The letter writer is an active volunteer with Empati, an NGO promoting mental well-being among youth.

Those suffering from problems can reach out to the Mental Health Psychosocial Support Service at 03-2935 9935 or 014-322 3392; Talian Kasih at 15999, or 019-261 5999 on WhatsApp; Jakin's (Department of Islamic Development Malaysia) family, social, and community care centre at 0111-959 8214 on WhatsApp; and Befrienders Kuala Lumpur at 03-7627 2929 or go to befrienders.org.my/ centre-in-malaysia for a full list of numbers nationwide and operating hours, or email sam@befrienders.org.my.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

16 infected with rotavirus after visiting gardens

KUANTAN: A 27-year-old woman and 15 children, aged between two and 11, were found to be infected with rotavirus after visiting the Che Minah Sayang Recreational Park in Maran on Thursday.

Pahang Health Department director Datuk Dr Rusdi Abd Rahman said the Maran Health Office received a notification on a surge of acute gastroenteritis cases among children after visiting the park.

"Laboratory test results revealed that the cause of the outbreak was a rotavirus infection while the results for leptospirosis were negative.

"All affected children are in stable condition and receiving treatment at the Jengka Hospital while the woman, who is the mother of one of the children, was treated as an outpatient."

He said the rotavirus cases were likely caused by river water contaminated with waste from used disposable baby diapers.

He advised the park management to conduct a thorough clean up of the park's surroundings.

"The department advises the public to adhere to hygiene practices, including the proper disposal of used baby diapers, and to refrain from littering when visiting recreational parks." – Bernama

1

Dengue cases decline in 35th epidemiological week

PUTRAJAYA: The number of dengue fever cases fell to 1,765 in the 35th epidemiological week from Aug 25 to 31, compared with 1,980 cases the previous week.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said four deaths from dengue fever complications were reported during the week.

He said the cumulative number of dengue fever cases reported was

96,572, compared with 80,201 cases for the same period in 2023.

"There were 88 deaths due to dengue fever complications, compared with 57 fatalities in the same period last year."

He said 64 hotspot localities were reported, down from 85 in the previous week.

Of the locations, 45 were in Selangor, seven in the Federal Territories of Kuala Lumpur and

Putrajaya, three each in Negeri Sembilan, Kelantan and Perak, and one each in Kedah, Sabah and Sarawak.

On the *chikungunya* virus, he said two cases were reported, bringing the cumulative total to 70 cases.

As for *zika* surveillance, he said 1,834 blood samples, eight urine samples and three cerebrospinal fluid samples were screened and all results were negative.

He also said the risk of dengue fever transmission typically rises during school and public holidays due to increased public movement.

The Health Ministry is urging the community, including schools and contractors, to ensure no containers are left to collect water around premises as this could serve as breeding grounds for *Aedes* mosquitoes before the second term school holidays begin. – Bernama